



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BH - Bisnes			
TARIKH	:	23/7/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	30
JABATAN	:	KeTSA			

'Sektor mekanikal, elektrik tak mampu lagi bertahan'

Sektor mekanikal dan elektrik sedang mengalami tekanan yang akan mengakibatkan perniagaan tidak lagi dapat bertahan berikutan segmen berkaitan pembuatan, rantaian bekalan serta penyelenggaraan tidak dibenarkan beroperasi, menurut Majlis Persatuan Mekanikal dan Elektrik Malaysia (MCMEA).

Pengerusinya, Michelle Hah, berkata walaupun sebahagian ahli persatuan tergolong dalam kumpulan perkhidmatan penting dan sokongan kritikal, mereka tidak memperoleh kelulusan untuk beroperasi sejak 1 Jun.

Beliau berkata, ahli ini membekalkan peralatan dan komponen persisian penggantian elektrik kepada industri penting untuk kesinambungan bekalan elektrik kepada semua industri, kilang,

pembetulan dan loji rawatan air serta bangunan penting seperti hospital.

"Walaupun ahli perkhidmatan mekanikal dan elektrik (merangkumi kontraktor, jurutera perkhidmatan, penyepadu, petugas penyelenggaraan dan pekerja kompeten) di bawah MCMEA diminta menjalankan kerja keselamatan serta penyelenggaraan penting, banyak yang telah ditolak oleh Sistem Pengurusan Pintar COVID-19 (CIMS) 3.0," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau berkata, disebabkan kerja keselamatan dan penyelenggaraan tidak dapat dilakukan, banyak kilang, kemudahan dan bangunan penting akan mengalami kegagalan elektrik, penggera salah serta kerosakan.

"Ini akan menjejaskan anta-

ranya pusat data, penyimpanan makanan, unit rawatan rapi di hospital dan sistem pengudaraan di pusat pemberian vaksin," katanya.

Hah berkata, perniagaan ahli terjejas teruk berikutan sekatan pergerakan berterusan, mengalami kerugian serius dan kekangan aliran tunai yang boleh menyebabkan tujuh juta hilang pekerjaan.

"Kami menjangkakan kadar pengangguran meningkat untuk mencatatkan lebih sejuta pada Ogos," katanya.

Persatuan berkenaan meminta kerajaan mempercepat dan mengutamakan pemberian vaksin kepada pekerja dalam industri itu, selain membenarkan perniagaan kembali beroperasi, sekali gus membantu mengurangkan kadar pengangguran serta mempercepatkan pemulihan ekonomi negara.

BH(Bisnes), 23
Jul 2021_30

Kami menjangkakan kadar pengangguran meningkat untuk mencatatkan lebih sejuta pada Ogos



Michelle Hah,
Pengerusi
MCMEA

"Vaksinasi adalah jalan untuk menyelamatkan nyawa dan pendapatan kerana kita harus hidup dengan virus ini dalam masyarakat," katanya.

MCMEA adalah gabungan enam persatuan yang merangkumi lebih 3,000 syarikat ahli dengan lebih 100,000 pekerja.

BERNAMA

